

CNS9733

R PB 06-11 00170 PW079

BAH DEM

Mahathir - Ekonomi

BUMIPUTERA PERLU BENTUK BUDAYANIAGA BARU

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Orang Melayu dan Bumiputera perlu membentuk budaya niaga baru yang lebih sesuai dengan iklim perniagaan semasa yang mempunyai lebih risiko dan kecanggihannya, kata Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, perubahan itu tidak dapat dielakkan dan mereka yang tidak sanggup menerima kenyataan itu dan tidak mengikut aliran zaman akan ketinggalan.

+Sebaliknya, kejayaan lebih mungkin bagi mereka yang sanggup menerima kebenaran dan sanggup pula menyesuaikan diri dan pendekatan dengan kenyataan ini, katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung UMNO 1992 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Perdana Menteri berkata, oleh kerana itu kerajaan tidak boleh terus mengamalkan pendekatan dahulu membantu Bumiputera secara persebrangan untuk menjadi peniaga Jan pengusaha kecil yang, hanya mampu memperolehi sedikit pendapatan.

Sebaliknya, pendekatan yang lebih sesuai sekarang ialah membantu syarikat dan pelabur Bumiputera yang berpotensi dan berdaya maju berniaga atau berusaha secara besar-besaran, kata beliau. -- Lagi.

▼06/11/09-58MST

R PB 06-11 00169 PW082

BAH DEM

Mahathir - Ekonomi 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir menegaskan, bantuan kerajaan tidak boleh semata-mata berasaskan kepada rancangan perniagaan besar kerana banyak lagi perkara yang perlu diambil kira seperti modal serta pengalaman dan perancangan yang lebih teratur.

+Bertikiran besar atau "Think 'Big" memang slogan yang tepat di zaman ini. Tetapi bertikiran besar perlu diiringi dengan kemampuan modal yang besar, kejujuran dan amanah, kecekapan mengurus dan pengalaman yang boleh meyakinkan pelanggan dan ins titusi kewangan. +

Oleh itu, jelas beliau, pengusaha yang dahulu memohon lesen untuk sebuah teksi, tetapi hari ini memohon 100 buah tidak boleh dikatakan sudah menyerap budaya +Think Big+.

Dr Mahathir berkata, perubahan pemikiran ke arah itu amat penting kerana Bumiputera perlu memasuki perniagaan dan perusahaan yang besar untuk mengimbang pembangunan Bumiputera dengan kaum lain.

Beliau tidak mahu oleh kerana takut menanggung risiko Bumiputera akan terus membelenggu diri mereka dengan perniagaan kecil-kecilan yang tidak mungkin hidup lama dan menampung saraan yang meningkat bagi individu dan masyarakat. -- Lagi.

▼06/11/10-03MST

Bagi mengurangkan risiko perniagaan, Dr Mahathir mahu usahawan Bumiputera supaya bersabar serta membuat kajian teliti di samping mencari pengalaman sebagai kakitangan bergaji dan membeli saham dalam syarikat tempat mereka bekerja.

Selain daripada itu, sistem francais yang akan diperkenalkan kerajaan dalam perniagaan-perniagaan tertentu juga boleh menjayakan penyertaan tanpa risiko yang terlalu tinggi, kata beliau.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, tidak semestinya semua Bumiputera mempunyai perusahaan dan perniagaan gergasi dan bagi mereka pembelian saham merupakan jalan keluar paling baik dan pada masa ini, ada kalangan mereka, oleh kerana kecekapan dan usaha yang berjaya, memiliki sebahagian besar saham syarikat-syarikat gergasi.

Mengenai jenis perniagaan yang boleh diceburi usahawan Bumiputera, Dr Mahathir berkata, mereka tidak perlu kecewa kerana sudah ada syarikat-syarikat besar dalam sesuatu bidang memandangkan terdapat banyak peluang lain yang tidak kurang penting bagi sesebuah ekonomi yang canggih.

+Adalah tidak bijak menumpu kepada bidang-bidang yang sudah disertai ramai Bumiputera, + katanya. -- Lagi.

CNS9755

R PB 06-11 00173 PW084

BAH DEM

Mahathir - Ekonomi 4 Kuala Lumpur

Bagi perniagaan-perniagaan kecil yang tidak difrancaiskan pula, Dr Mahathir mahd konseplama bahawa modal hanya untuk barangan yang hendak dijual tanpa apa-apa +overhead+ perlu dibuang kerana keadah itulah yang menyebabkan perniagaan Bumiputera tidak dapat membesar.

Perubahan ini perlu diterima +tetapi tidak seharusnya secara pasif dengan hanya menunggu ia datang menggolek+ kerana ia memerlukan persediaan daripada segi pengetahuan dan membentuk budaya yang sesuai yang boleh memberi hasil sewajarnya.

Di samping itu, katanya, penerimaan juga bermakna kesanggupan menerima dgn menyokong dasar dan pendekatan yang diambil kerajaan dalam usaha mengimbangkan pembangunan Bumiputera dengan pembangunan kaum lain.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa kerajaan boleh membentuk sesuatu dasar dan mengambil tindakan supaya Bumiputera tidak terus kekal sebagai peniaga kerdil tetapi kesanggupan mereka sendiri yang akan menentukan mereka dapat membuat peralihan yang diperlukan.

+Kerajaan akan terus merangka strategi dan membuat persiapan secara terperinci untuk memandu Bumiputera supaya dapat beralih daripada perniagaan dan perdagangan dunia lama kepada perniagaan dan perdagangan gergasi. + -- lagi.

▼06/11/10-33MST

CNS9756

R PB 06-11 00205 PW085

B A H D E M

Mahathir - Ekonomi 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir gembira kerana sudah ada Bumiputera yang telah berjaya membuat peralihan kepada perdagangan gergasi +tetapi sebelum kita mencapai matlamat Wawasan 2020 peralihan ini mestilah menyeluruh dan seimbang dengan perkembangan dalam masyarakat bukan Bumiputera.+

+Kerajaan yakin dan tahu pendekatan yang diperlukan. Tetapi untuk mencapai kejayaan, Bumiputera sendiri mestilah sanggup berubah dan menerima pendekatan yang diperlukan,+ katanya.

Mengenai penyampaian wanita Melayu dalam peningkatan penguasaan ilmu dan teknologi Perdana Menteri berkata, tahap mereka adalah sama dengan lelaki dan sumbangan mereka adalah perlu dalam usaha mengimbangi pencapaian antara kaum.

+Pendapat bahawa tempat wanita hanyalah sebagai surirumah akan melumpuhkan separuh tenaga orang Melayu. Sebenarnya pencapaian wanita Melayu dan bakat mereka adalah sama dengan lelaki.+

Heliau menegaskan bahawa penguasaan ilmu dan teknologi moden bukan satu perkara yang mustahil dicapai Bumiputera kerana mereka juga mempunyai bakat daripada segi mental dan fizikal dan hanya memerlukan kesanggupan menggunakan bakat itu sepenuhnya.

Bagaimanapun, katanya, Bumiputera perlu membentuk budaya yang sesuai dengan memberi penilaian yang tinggi kepada penguasaan ilmu dan teknologi yang canggih dan relevan serta menyanjung tinggi tabiat kuat belajar dan bekerja kerana usaha kerajaan sahaja tidak cukup tanpa kesedaran mereka. --  
Rernama.

▼06/1 1/10-36MST